


Oleh Presiden
Thomas S. Monson



“Belajarlah daripada-Ku”

Dalam Gereja Yesus Krisuts Orang Suci Zaman Akhir, kita semua pengajar dan kita semua pelajar. Tuhan memberi undangan kepada semua dengan lembut: “Belajarlah daripadaku . . . kamu akan mendapat kesejahteraan.”¹

Saya mengundang semua Orang Suci Zaman Akhir untuk merenungkan usaha masing-masing apabila mengajar dan belajar dan melihat kepada Juruselamat sebagai Panduan. Kita tahu bahawa “guru diutus oleh Tuhan”² bukanlah hanya seorang guru biasa. Dia yang telah mengajar kita untuk mengasihi Tuhan dengan sepenuh hati, segenap jiwa, dengan segala kekuatan dan seluruh akal kita, dan mengasihi sesama manusia seperti kita mengasihi diri, ialah Guru Unggul dan adalah Teladan kehidupan yang sempurna.

Dialah yang telah mengisytiharkan: “Mari, ikutlah Aku.”³ “Aku telah menunjukkan satu teladan bagimu.”⁴

Kecuali Kamu Mengubah Sikap

Yesus telah mengajar suatu kebenaran yang mudah tetapi mendalam yang direkod dalam Matius. Setelah Dia dan pengikut-pengikut-Nya turun dari Gunung Perubahan Muka, mereka berhenti seketika di Galilea dan kemudian pergi ke Kapernaum. Di sana pengikut-pengikut datang kepada Yesus, bertanya:

“Siapakah yang dianggap terbesar antara orang yang menikmati Pemerintahan Tuhan?”

“Yesus memanggil seorang kanak-kanak dan menyuruhnya berdiri di hadapan mereka semua,

“Lalu Yesus berkata, *Kecuali kamu mengubah sikap*, dan menjadi seperti kanak-kanak, kamu tidak dapat menikmati Pemerintahan Tuhan.”⁵

Di dalam Gereja, matlamat pengajaran Injil bukanlah untuk menuang maklumat ke dalam minda anak-anak Tuhan, biarpun di rumah, di kelas, atau lapangan misi. Ia bukanlah untuk menunjukkan kepandaian ibu bapa, guru, atau mubaligh. Bahkan bukan hanya untuk meningkatkan pengetahuan mengenai Juruselamat dan Gereja-Nya.

Matlamat asas mengajar adalah untuk membantu anak-anak lelaki dan perempuan Bapa Syurgawi kembali ke hadapan-Nya dan menikmati kehidupan abadi bersama-Nya. Untuk mencapai matlamat ini, pengajaran Injil haruslah menggalakkan mereka sepanjang perjalanan harian dalam penganutan dan perjanjian-perjanjian kudus. Sasarannya adalah untuk memberi ilham agar setiap individu memikirkan, merasai, dan melakukan sesuatu berkenaan penghidupan prinsip-prinsip Injil. Objektifnya adalah untuk membangunkan keimanan terhadap Tuhan Yesus Kristus dan untuk *bertukar hati* kepada Injil-Nya.

Pengajaran yang memberkatkan dan menukarkan hati dan menyelamatkan adalah pengajaran yang meneladani contoh Juruselamat. Guru-guru yang meneladani contoh Juruselamat mengasihi dan melayan mereka yang diajari.

Mereka mengilhami pendengar-pendengar mereka dengan pengajaran abadi yang berkenaan kebenaran ilahi. Mereka menjalankan hidup yang layak diteladani.

Mengasihi dan Melayan

Keseluruhan pelayanan Juruselamat memberikan contoh untuk mengasihi sesama. Sesungguhnya, kasih dan layanan-Nya sering kali menjadi pengajaran-Nya. Dan juga demikian, guru-guru yang saya ingati ialah guru-guru yang mengenali dan mengasihi murid-murid mereka. Mereka berusaha untuk mencari kambing biri-biri yang hilang. Mereka mengajar pelajaran kehidupan yang saya akan sentiasa ingati.

Salah satu guru sedemikian ialah Lucy Gertsch. Dia kenali setiap muridnya. Dia dengan pastinya menelefon mereka yang tidak hadir hari Ahad itu atau mereka yang tidak datang langsung. Kami tahu bahawa dia mengasihi kami. Tiada daripada kami yang pernah melupai dia atau ajaran yang telah diajar.

Bertahun-tahun kemudian, apabila Lucy di pengakhiran hayatnya, saya telah melawatnya. Kami mengenangkan ketika dia guru kami begitu lama dahulu. Kami bersebang mengenai setiap orang dalam kelas kami dan apa yang mereka buat sekarang. Kasih dan asuhannya berlangsung sepanjang hayat.

Saya suka perintah Tuhan yang terdapat dalam Ajaran dan Perjanjian:

“Dan Aku memberi kepadamu sebuah perintah agar kamu harus saling mengajarkan satu sama lain ajaran kerajaan.

“Ajarlah kamu dengan tekun dan kerahmatan-Ku akan menyertaimu.”⁶

Lucy Gertsch telah mengajar dengan tekun kerana dia mengasihi dengan gigih.

Tawarkan Harapan dan Kebenaran

Rasul Petrus menasihati, “Hendaklah kamu sentiasa bersedia memberikan jawapan kepada sesiapa sahaja yang meminta kamu menjelaskan harapan yang kamu miliki.”⁷

Kemungkinannya harapan yang terhebat seorang guru boleh tawarkan ialah harapan yang boleh didapati dari kebenaran Injil Yesus Kristus.

“Dan apakah yang harus kamu harapkan?” Mormon telah bertanya. “Lihatlah aku berkata kepadamu bahawa kamu akan berharap melalui korban tebusan Kristus

dan kuasa kebangkitan-Nya, untuk dibangkitkan kepada kehidupan abadi, dan disebabkan imanmu kepada-Nya menurut perjanjian tersebut.”⁸

Guru-guru, angkatlah suara kamu dan bersaksilah sifat benar kesatuan Ketuhanan. Isytiharkan kesaksian kamu mengenai Kitab Mormon. Sampaikan kebenaran indah dan hebat yang terkandung dalam rancangan keselamatan. Gunakan bahan-bahan yang dibenarkan oleh Gereja, terutamanya kitab-kitab suci, untuk mengajarkan kebenaran gereja Yesus Kristus yang telah dipulihkan dalam kesucian dan kesederhanaan. Ingatlah perintah Juruselamat untuk “menyelidiki alkitab; kerana menyangka bahawa dengan cara itu, kamu akan beroleh hidup sejati dan kekal.”⁹

Bantulah anak-anak Tuhan untuk memahami apa yang tulen dan penting dalam hidup ini. Bantulah mereka membangunkan kekuatan untuk memilih jalan yang akan memberi mereka keselamatan dalam perjalanan ke kehidupan abadi.

Ajarkan kebenaran, dan Roh Kudus akan sentiasa membantu usaha-usaha kamu.

“Belajarlah daripada-Ku”

Oleh kerana Yesus Kristus patuh dan taati Bapa-Nya dengan sempurna, Dia “bertambah besar dan bijaksana, dan Dia menyenangkan hati Tuhan mahupun manusia.”¹⁰ Adakah kita punyai ketekunan untuk melakukan sedemikian? Sepertimana Yesus “menerima rahmat demi rahmat,”¹¹ kita patut bersabar dan gigih mencari cahaya dan pengetahuan dari Tuhan dalam usaha kita untuk mempelajari Injil.

Mendengar adalah asas penting dalam pembelajaran. Apabila bersedia untuk diajar, kita berdoa untuk memperoleh ilham dan penetapan dari Roh Kudus. Kita merenung, berdoa, mengaplikasikan ajaran-ajaran Injil, dan kita memohon kehendak Bapa untuk diri kita.¹²

Yesus “mengajar . . . banyak perkara menggunakan perumpamaan,”¹³ yang memerlukan telinga untuk mendengar, mata untuk melihat, dan hati untuk memahami. Apabila kita hidup dengan layak, kita dapat mendengar bisikan Roh Kudus dengan lebih baik, dan ia boleh “mengajar [kita] segala-galanya, dan akan mengingatkan [kita] segala yang telah diajarkan.”¹⁴

Apabila kita menyahut undangan lembut Tuhan, “Belajarlah daripada-Ku,” kita mengambil bahagian dalam kuasa ilahi-Nya. Oleh itu, marilah kita, maju ke hadapan

dengan semangat kepatuhan, mengikut Teladan Terbaik dengan mengajar sepertimana Dia inginkan kita mengajar dan belajar sepertimana Dia inginkan kita belajar.

NOTA-NOTA

1. Matius 11:29.
2. Yohanes 3:2.
3. Lukas 18:22.
4. 3 Nefi 18:16.
5. Matius 18:1–3; penekanan ditambahkan.
6. Ajaran dan Perjanjian 88:77–78.
7. 1 Peter 3:15.
8. Moroni 7:41.
9. Yohanes 5:39.
10. Lukas 2:52.
11. Ajaran dan Perjanjian 93:12.
12. Lihat Yohanes 5:30.
13. Markus 4:2.
14. Yohanes 14:26.

MENGAJAR DARI PESANAN INI

Presiden Monson mengundang kita untuk “meringkaskan usaha [kita] untuk mengajar dan belajar dan untuk melihat kepada Juruselamat sebagai Panduan.” Kamu boleh pertimbangkan pencarian kitab suci bersama mereka yang diziarahi untuk mencari pemahaman dalam cara Yesus telah mengajar dan belajar.

Kamu boleh bermula dengan ayat suci yang dirujuk oleh Presiden Monson, seperti Matius 11:29, Yohanes 5:30, dan Markus 4:2. Kamu boleh berbincang bagaimana apa yang telah kamu dipelajari mengenai Kristus boleh membantu kamu “mengambil bahagian dalam kuasa ilahi-Nya.”

KANAK-KANAK

Belajar mengenai Yesus

Roh Kudus memberi perasaan yang tenang untuk membantu kita ketahui bahawa Yesus adalah benar dan mengasihi kita. Tulis atau lukiskan sesuatu yang kamu telah pelajari mengenai Yesus.

© 2016 oleh Intellectual Reserve, Inc. Semua hak terpelihara. Dicetak di USA.
Kelulusan bahasa Inggeris: 6/15. Kelulusan penterjemahan: 6/15.
Penterjemahan *First Presidency Message, March 2016*. Malay. 12863 348



Dicipta Menyerupai Tuhan

Iman, Keluarga, Pertolongan

Kaji bahan pengajaran ini dan berdoa untuk mengetahui apa yang harus dikongsi. Bagaimanakah pemahaman mengenai “Keluarga: Satu Perisytiharan kepada Dunia” akan meningkatkan keimanan kamu terhadap Tuhan dan memberkati mereka di bawah jagaan kamu melalui pengajaran berkunjung? Untuk maklumat lebih lanjut, layari reliefsociety.lds.org.

“Kemudian Tuhan berfirman, Sekarang kita akan mencipta manusia yang akan menjadi seperti Kita, dan menyerupai Kita. . . .

“Demikianlah Tuhan menciptakan manusia dan menjadikan mereka seperti diri-Nya sendiri. Dia menciptakan mereka lelaki dan perempuan” (Kejadian 1:26–27).

Tuhan adalah Bapa Syurgawi, dan Dia mencipta kita menyerupai-Nya. Berkenaan kebenaran ini, Presiden Thomas S. Monson berkata: “Tuhan Bapa kita punyai telinga untuk mendengar doa-doa kita. Dia punyai mata untuk melihat tingkah laku kita. Dia punyai mulut untuk berfirman kepada kita. Dia punyai hati untuk merasai belas ihsan dan kasih sayang. Dia benar. Dia hidup. Kita adalah anak-Nya yang dicipta menyerupai-Nya. Kita menyerupai-Nya dan Dia menyerupai kita.”¹

“Orang Suci Zaman Akhir melihat semua orang sebagai anak-anak Tuhan secara penuh dan sempurna; mereka menganggap setiap orang punyai asal ilahi, sifat, dan potensi.”² Setiap orang “adalah anak rohani lelaki atau anak rohani perempuan kepada ibu bapa syurgawi.”³

“[Nabi] Joseph Smith juga telah pelajari bahawa Tuhan menginginkan anak-anak-Nya untuk menerima kewujudan yang ditahbiskan seperti-Nya.”⁴ Sepertimana Tuhan berfirman, “Karena lihatlah, inilah pekerjaan-Ku dan kemuliaan-Ku— untuk mendatangkan kebakaan dan kehidupan kekal bagi manusia” (Musa 1:39).

Ayat-ayat Suci Tambahan

Kejadian 1:26–27; 1 Korintus 3:17; Ajaran dan Perjanjian 130:1

Dari Tulisan Suci

Saudara lelaki Yared dalam Kitab Mormon telah mencari jalan untuk menerangi lapan kapal-kapal tongkang yang direka untuk membawa bangsa Yared ke negeri yang dijanjikan. Dia “meleburkan dari batubatan enam belas batu kecil” dan berdoa agar Tuhan akan “sentuhlah batu-batu ini” dengan jari-Nya “agar boleh bersinar dalam kegelapan.” Dan Tuhan “menghulurkan tangan-Nya dan menyentuh batu-batu itu satu demi satu.” Tirai telah ditarik daripada mata saudara lelaki Yared, dan “dia melihat jari Tuhan; dan ia-nya adalah seperti jari manusia. . . .

“Dan Tuhan berfirman kepadanya: Percayakah engkau firman yang akan Aku firmankan?”

“Dan dia menjawab: Ya, Tuhan.”

Dan “Tuhan memperlihatkan diri-Nya kepada [saudara lelaki Yared]” dan berfirman, “Lihatlah kamu bahawa kamu diciptakan menurut rupa-Ku sendiri? Ya, bahkan semua manusia diciptakan pada permulaannya menurut rupa-Ku sendiri.” (Lihat Eter 3:1–16.)

NOTA-NOTA

1. Thomas S. Monson, “I Know That My Redeemer Lives,” dalam Laporan Persidangan, Apr. 1966, 63.
2. Tajuk-tajuk Injil, “Becoming Like God,” topics.lds.org; lihat juga Musa 7:31–37.
3. “Keluarga: Satu Perisytiharan kepada Dunia,” *Liahona*, Nov. 2010, 129.
4. Tajuk-tajuk Injil, “Becoming Like God,” topics.lds.org; lihat juga *Teachings of Presidents of the Church: Joseph Smith* (2007), 221.

Pertimbangkan Ini

Bagaimanakah pengetahuan bahawa setiap orang dicipta menyerupai Tuhan membantu dalam perhubungan kita dengan orang lain?